

SOALAN LAZIM
KEMPEN JOM BERAYA, JOM MENYIMPAN 2021

1. Soalan:

Apakah Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021?

Jawapan:

Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021 adalah kempen khas bagi pendeposit yang membuat simpanan SSPN di dalam tempoh musim perayaan Aidilfitri. Kempen ini terbahagi kepada 2 peringkat :-

- a) Peringkat Negeri
- b) Peringkat Nasional

2. Soalan:

Bilakah tempoh kempen ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **1 Mei sehingga 31 Mei 2021**.

3. Soalan:

Apakah syarat- syarat untuk menyertai Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021?

Jawapan:

Syarat-syarat untuk menyertai kempen ini adalah:-

- i. Terbuka kepada pendeposit SSPN;
- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iii. Pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen;
- iv. Bilangan cabutan mengikut simpanan bersih yang dibuat oleh pendeposit SSPN;
- v. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) sehingga tarikh cabutan.

4. Soalan:

Berapakah nilai simpanan bersih untuk cabutan Peringkat Negeri dan Peringkat Nasional?

Jawapan:

Nilai simpanan bersih mengikut kategori adalah seperti berikut:-

| Kategori | Simpanan Bersih (RM) |
|--------------------|--|
| Peringkat Negeri* | RM100 bersamaan dengan satu (1) cabutan |
| Peringkat Nasional | RM300 bersamaan dengan satu (1) cabutan |

* Penentuan kelayakan cabutan Peringkat Negeri adalah berdasarkan alamat surat-menyerurat pada akaun yang terakhir dibuka oleh pendeposit.

5. Soalan:

Bagaimanakah caranya untuk melayakkan penyertaan bagi kedua-dua kategori cabutan?

Jawapan:

Pendeposit perlu membuat simpanan bersih sekurang-kurangnya **RM300** di dalam tempoh kempen bagi melayakkan cabutan Peringkat Negeri dan Peringkat Nasional.

6. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

a) **Peringkat Negeri**

| Hadiah | Bilangan Hadiah |
|--------------------------------------|------------------------|
| Pertama : Duit Raya bernilai RM5,000 | 1 x 14 Negeri |
| Kedua : Duit Raya bernilai RM3,000 | 1 x 14 Negeri |
| Ketiga : Duit Raya bernilai RM500 | 1 x 14 Negeri |
| Saguhati : Duit Raya bernilai RM100 | 22 x 14 Negeri |
| Jumlah Keseluruhan | 350 |

b) **Peringkat Nasional**

| Hadiah | Bilangan Hadiah |
|--------------------------------------|------------------------|
| Pertama : Duit Raya bernilai RM8,000 | 1 |
| Kedua : Duit Raya bernilai RM6,000 | 1 |
| Ketiga : Duit Raya bernilai RM4,000 | 1 |
| Saguhati : Duit Raya bernilai RM200 | 147 |
| Jumlah Keseluruhan | 150 |

7. Soalan:

Di manakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan SSPN?

Jawapan:

Pendeposit boleh membuka akaun atau membuat penambahan simpanan secara *online* dengan melayari www.lovesspn.com, di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

8. Soalan:

Bilakah hadiah Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021 akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang?

Jawapan:

Hadiah yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dalam **tempoh dua (2) bulan** dari tarikh cabutan. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN-i, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di SSPN-i Plus.

9. Soalan:

Adakah hadiah Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021 layak untuk potongan cukai di bawah SSPN?

Jawapan:

Tidak layak, ini adalah kerana hadiah yang dimenangi pendeposit tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan yang layak dituntut oleh pendeposit. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.

10. Soalan:

Bagaimanakah pendeposit boleh menyemak penyata simpanan?

Jawapan:

Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian *Careline* 03-2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2021*

Maklumat dikemas kini pada 16 April 2021